



BAB TIGA



BAB 3

PERIHAL PELAKU GANTI

3.0 Pengenalan

Di dalam bab ini akan dibicarakan permasalahan yang melibatkan perihal pelaku ganti. Perbahasan masalah ini adalah kesinambungan perbahasan pada bab lepas yang membincarkan tentang ragam pasif bahasa Arab. Sebagaimana yang telah sedia maklum, dua elekmenn penting iaitu kata kerja pasif dan pelaku ganti merupakan perkara asas di dalam proses penilaian dan penelitian permasalahan ragam pasif. Kedua-duanya saling perlu-memerlukan di antara satu sama lain bagi melahirkan kesempurnaan ayat serta maksud yang hendak disampaikan.

Fokus perbincangan di dalam bab ini ialah perkara-perkara asas yang melibatkan permasalahan pelaku ganti. Ditekankan pada pertamanya pentakrifan pelaku ganti dengan diselitkan beberapa pandangan ahli ilmuan nahu Arab. Turut disentuh ialah ciri-ciri pelaku ganti, jenis-jenis katanya serta unsur-unsur yang boleh menggantikan tempat pelaku yang terdiri daripada objek, kata nama dasar, adverba dan kata genetif.

3.1 Definisi Pelaku ganti.

Terdapat pelbagai istilah telah dikemukakan oleh para ilmuan nahu Arab berhubung dengan pelaku ganti. Di antaranya ialah pelaku ganti atau di dalam bahasa Arabnya **بَانِيُّ الْفَاعِلِ**. Orang pertama yang telah memperkenalkan istilah ini ialah Ibn Malik¹ dan ia

telah mandapat pujian oleh kebanyakan ulama nahu Arab. Malah mereka merasakan

¹ 'Abbas Hasan (1973), *al-Naḥw al-Wāfi*, j.2, c.9, Kaherah : Dār al-Ma'rifa, h. 97

penggunaannya adalah yang paling tepat. Ini kerana istilah tersebut lebih ringkas, padat dan merangkumi semua jenis unsur yang dapat menggantikan tempat pelaku seperti objek (الجَارُ وَ الْمَجْرُورُ), kata nama dasar (المُصْدَرُ), adverba (الظَّرفُ) dan kata genetif (مَفْعُولٌ بِهِ).¹

Kebanyakan ahli nahu silam mengenali permasalahan ini dengan istilah : objek yang tidak dinamakan pelakunya (**المَفْعُولُ الَّذِي لَمْ يُسَمَّ فَاعِلُهُ**).² Penggunaan istilah ini lebih panjang dan tidak merangkumi semua unsur yang dapat menggantikan tempat pelaku yang telah dimansuhkan. Malah ia jelas memperlihatkan keutamaan unsur objek untuk dijadikan pelaku ganti sepetimana yang didukungi oleh aliran tertentu.

Sebelum kajian ini membahaskan perihal pelaku ganti secara terperinci dan mendalam, adalah lebih baik jika dipaparkan beberapa pandangan awal para ilmuan nahu Arab berhubung dengan permasalahan ini. Berdasarkan kepada pandangan-pandangan mereka nanti, dapatlah dirumuskan satu definisi yang lengkap dan tepat. Di antara mereka yang memperkatakannya ialah ;

i. Sibawayh³ :

(هَذَا يَابْ المَفْعُولِ الَّذِي تَعْدَاهُ فِتْلُهُ إِلَى مَفْعُولٍ وَذَلِكَ قَوْلُكَ : كُسِيَ عَنْدَ اللَّهِ
الْوَنْبَ ، أَغْطِيَ عَنْدَ اللَّهِ الْمَالَ)

Terjemahan : *Ini satu bab pada menyatakan maf'ul (objek) yang kata kerjanya menjangkaui kepada objek, seperti kamu berkata "Abdullah dipakaikan baju ; Abdullah diberi harta."*

¹ 'Abbâs Hasan (1973), *op.cit* , h. 97.

² Khalid bin 'Abdullah al-Azharî (2000), (e.d) Muhammâd Basîl 'Uyûn al-Sûd, *Sharh al-Tasrîh 'Ala al-Taqdîb*, j.1, c.1, Beirut : Dâr al-Kutub al-'Ilmiyyat, h. 421.

³ Abû Bashr 'Amru bin Usmân bin Qunbar al-Sibawayh (1971), (e.d) 'Abd al-Salâm Harûn, *al-Kitâb*, j.1, c.1, Kaherah : al-Hâ'i'at al-Mesriyat, h.19

ii. al-Mubarrid¹ :

(وَقُولُّ : رُفِعَ إِلَيْ زَيْدٍ دِرْهَمٌ ، فَيُرْفَعُ دِرْهَمٌ لِأَنَّكَ جَرَّتْ زَيْدًا ، فَقَامَ الدِّرْهَمُ مَقَامَ الْفَاعِلِ)

Terjemahan : Kamu berkata : "Diberikan kepada Zaid dirham". Perkataan dinominatifkan² kerana kamu telah berikan kepada Zaid. Oleh sebab itu, perkataan dirham telah menggantikan tempat pelaku.

iii. Ibn Sarrāj³ :

(الْمَفْعُولُ الَّذِي لَمْ يُسَمَّ مَنْ فَعَلَ بِهِ)

Terjemahan : Objek yang tidak dinamakan siapa yang telah melakukannya.

iv. Ibn Mu'tiy⁴ :

(الْإِسْمُ الَّذِي يُقَامُ مَقَامَ الْفَاعِلِ)

Terjemahan : Kata Nama yang menggantikan tempat pelaku.

v. Amīl Badi' Yaqūb⁵ :

(هُوَ اسْمُ مَرْفُوعٍ قُدِّمَ عَلَيْهِ فِعْلٌ مَجْهُولٌ أَوْ شَبِهٌ أَوْ أَسْنَدٌ إِلَيْهِ)

Terjemahan : Ia adalah kata nama nominatif yang telah didahului dihadapannya kata kerja pasif atau seumpamanya dan disandarkan kepadanya.

¹ Abū al-'Abbās bin Farāj al-Mubarrid (1964), (ed) Muḥammad 'Abd al-Khālid 'Adhimat, *al-Muqtaḍhab*, j.4, c.1, Kaherah : al-Majlis al-A'la li al-Shu'ūn al-Islāmiyat , h. 50

² Iaitu dibacakan dengan kasus berbaris hadapan.

³ Abū Bakr Muḥammad ibn al-Sarrāj (1999), (e.d) Abd. al-Ḥusain al-Fatliy, *al-Uṣūl al-Kabīr*, j.1, c.4, Beirut : Maktabat al-Risālat , h. 76.

⁴ Zain al-Dīn ibn al-Ḥusain Yahya ibn Mu'tiy (1973), (e.d) Maḥmud Muḥammad al-Tanahiy, *al-Fuṣūl al-Khamsūn*, c.1, Kaherah : Isā al-Bāb al-Halba, h.176

⁵ Amīl Badi' Ya'qūb (1988), *Mausu'at al-Naḥw wa al-Šarf wa al-I'rāb*, c.1, Kaherah : Dār al-'Ilm Li al-Malāyiñ, h. 667.

vi. Azizah Fawwāl¹ :

(هُوَ اسْمٌ مَرْفُوعٌ قَدِمَ عَلَيْهِ فِعْلٌ مَجْهُولٌ أَوْ شَيْءٌ وَحَلَّ مَحْلُ الْفَاعِلِ بَعْدَ حَذْفِهِ)

Terjemahan : *Ia adalah kata nama nominatif yang telah didahului dihadapannya kata kerja pasif atau seumpamanya dan menggantikan tempat pelaku setelah dimansuhkannya.*

Setelah diamati pandangan para ilmuan nahu di atas, dapat dirumuskan satu definisi pelaku ganti iaitu suatu kata nama nominatif yang menggantikan tempat pelaku setelah ia dimansuhkan. Sebelumnya didahului dengan kata kerja pasif atau kata sifat pasif² yang terdiri daripada kata nama pasif (اسم المفعول) dan kata nisbah pasif (الاسم المنسوب إليه).

Jadual 3.1 : Contoh Pelaku Ganti.

أَنْكِرُمُ الصِّيفُ الْمَخْمُوذُ سِيرَةً	
Terjemahan : Telah dimuliakan tetamu yang terpuji kelakuanya.	
Perkataan	Penjelasan
أنكرم	Kata Kerja Kala Lampau Pasif
الصيف	Pelaku ganti nominatif yang telah menggantikan tempat pelaku.
المخموذه	Kata Nama Pasif yang berfungsi seumpama kata kerjanya
سيرته	Pelaku ganti kepada Kata Nama Pasif

3.2 Ciri-ciri Pelaku Ganti.

Pada umumnya, pelaku ganti terdiri daripada empat unsur, iaitu sama ada pada asalnya objek, kata nama dasar, adverba, atau kata genetif. Kesemua unsur ini mempunyai sifat yang berbeza-beza pada bentuk asalnya. Ini menyebabkan unsur-unsur tersebut terpaksa

¹ 'Azizah Fawwāl Bābati (1992) *Mu'jam al-Mufassal Fi al-Naḥw al-Arabiyy*, c.1, j.2, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat , h.1088.

² Dikenali sebagai *Shibh Fi'l* (شبه الفعل).

mengalami beberapa perubahan bagi menepati ciri-ciri tempat yang digantikan itu. Di antara ciri-ciri pelaku ganti ialah ;

- Pelaku ganti hendaklah bersifat nominatif pada semua situasi sama ada secara

zahir¹ (ظاهراً) atau **kedudukan²** (محلًّا). Sebagai contohnya :

Jadual 3.2 : Pelaku Bersifat Nominatif.

Ayat Pasif	Penjelasan Tentang Nominatif
قُتِلَ الْكَافِرُونَ Terjemahan : <i>Orang-orang kafir dibunuh</i>	Perkataan الْكَافِرُونَ dinominatif dengan huruf Waw kerana ia terdiri daripada kata jamak jenis جَمِيعَ الْمَذْكُورِ السَّالِمِ .
نُظِفَ فِي الدَّارِ Terjemahan : <i>Di dalam rumah kena bersih.</i>	Kata Genetif berada di tempat Nominatif sebagai pelaku ganti.
كُسِيَ زَيْدٌ الْوَبَّ Terjemahan : <i>Zaid dipakaikan baju.</i>	Perkataan زَيْدٌ bertukar dari akusatif kepada nominatif kerana ia pada asalnya objek.

- Pelaku ganti hendaklah berada selepas kata kerja pasif atau kata nama seumpama kata kerjanya³ seperti contoh ;

شَرْفَ الْعُلَمَاءِ الْمَحْمُودَةِ خَلْقُهُمْ

Terjemahan : *Dimulia para ulama yang terpuji akhlak mereka.*

Perkataan yang bergaris di atas adalah pelaku ganti yang berada selepas

kata kerja pasif (شرف) dan kata nama pasif (المَحْمُودَةُ). Walaupun ia pada

asalnya adalah objek yang boleh berada di hadapan atau belakang kata

¹ iaitu secara nyata yang dapat diperhatikan pada akhir sesuatu kalimah.

² Nominatif pada tempatnya sahaja tidak pada lafaz perkataan.

³ iaitu kata nama pasif (اسم المفعول) atau kata nama yang bersandaran kepadanya (الاسم المنسوب إلية).

kerjanya. Namun, setelah ia menjadi pelaku ganti, para ilmuan nahu menegahnya daripada mendahului kata kerjanya¹.

- iii. Pelaku ganti tidak boleh dimansuhkan daripada struktur ayat², bahkan ia hendaklah dinyatakan secara nyata atau perlu dibuat hipotesis (andaian). Sekiranya ia dimansuhkan, struktur ayat akan mengalami kecacatan dan sukar difahami³. Ini kerana unsur yang menggantikan tempat pelaku tersebut mengalami perubahan taraf taraf dari **فَهُنَّةٌ**⁴ kepada **غَمْدَةٌ**⁵

Jadual 3.3 : Contoh Wajib Pelaku Ganti Dinyatakan

Secara Nyata	Secara Andaian
<p>Firman Allah s.w.t⁶ :</p> <p style="text-align: center;">رَبِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهَوَاتِ</p> <p>Terjemahan : <i>Dihiaskan</i> kepada manusia <i>kesukaan</i> terhadap benda-benda diingini <i>nafsu</i>.</p> <p>Penjelasan :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Perkataan حُبُّ (<i>kesukaan</i>) dinominatifkan selaku pelaku ganti kepada kata kerja pasif : رَبِّنَ (<i>dihiaskan</i>). 	<p>Firman Allah s.w.t⁷ :</p> <p style="text-align: center;">أَفَإِنْ مَاتَ أَوْ قُلْ أَقْلَمْ عَلَيْ أَعْقَابَكُمْ</p> <p>Terjemahan : <i>Kalau Dia mati atau terbunuh</i> (patukah) kamu berbalik (berpaling tada) menjadi <i>kafir</i>.</p> <p>Penjelasan :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Diandaikan pada kata kerja pasif قُلْ (<i>terbunuh</i>) disertai dengan kata ganti nama ghaib dengan andaian هُوَ (<i>dia</i>).

¹ Barakāt Yūsuf Habbūd (1994), *'Audah al-Masālik Ila 'Alfiyyat Ibn Mālik*, j.2, c.1, Beirut : Dār al-Fikr, h.79

² Abū Muḥammad 'Abdullah Jamāl ibn Hishām (1988), (e.d) al-Fakhūriy, *Sharḥ Shudhūr al-Dhahab Fī Ma'rifa Kalām al-Arab*, c.1, Beirut : Dār al-Jail, h.183

³ Abū Muḥammad 'Abdullah Jamāl ibn Hishām (1988), *op.cit*, h.184

⁴ Elekmen yang boleh diabaikan dari struktur ayat.

⁵ Merupakan elekmen utama pada struktur ayat.

⁶ Surah Al 'Imrān, ayat 14.

⁷ Surah Al 'Imrān, ayat 144.

- iv. Menepati unsur genus. Ini bermakna sesuatu kata kerja pasif dan pelaku ganti hendaklah diserasikan pada unsur genusa sama ada terdiri daripada maskulin¹ (المُذَكُّر) atau feminin² (المُؤْثِث).

Jadual 3.4 : Contoh Menepati Unsur Genus.

Ayat Pasif	Penjelasan Perkatan Bergaris
شَمَّتْ جَارِيَتْ. Terjemahan : <i>Hamba kamu dicemuh.</i>	Kata Kerja Kala Lampau disertai dengan huruf <i>tā' ta'nith</i> (ئَاءُ التَّأْثِيثُ) bagi mewujudkan keserasian unsur genus di antara kata kerja dan pelaku ganti.
سِقَايَاتُ الْكَافِرُونَ. Terjemahan : <i>Orang-orang kafir akan diperangi.</i>	Kata kerja kala kini pasif untuk genus maskulin.

- v. Kata kerja pasif tidak perlu menuruti unsur bilangan pada pelaku ganti³ seandainya ia mendahului pelaku ganti. Jika perkara sebaliknya berlaku, ia hendaklah menepati unsur bilangan.

Jadual 3.5 : Contoh Pelaku Ganti Berdasarkan Kepada Unsur Bilangan.

Ayat Pasif	Penjelasan Perkataan Bergaris
صُرِبَ الطَّلَمِيَّانِ. Terjemahan : <i>Dua orang pelajar telah kena pukul.</i>	Kata kerja kala lampau pasif tidak berubah walaupun pelaku gantinya terdiri daripada kata duaan.
الْتَّلَمِيَّانُ صُرِبُوا. Terjemahan : <i>Dua orang pelajar telah kena pukul.</i>	Kata kerja kala lampau pasif menuruti unsur bilangan yang terdapat pada subjek. Pelaku gantinya ialah kata ganti nama ghaib dengan andaian <i>هُمَا</i> yang dapat merujuk kepada subjuk.

¹ Perkataan yang menunjukkan sifat lelaki

² Perkataan yang menunjukkan sifat perempuan.

³ Abū Muḥammad 'Abdullāh Jamāl al-Dīn Ibn Hishām (1988), *op.cit*, h.193

3.3 Jenis-jenis Kata Pelaku Ganti

Ahli nahu Arab sejak dahulu lagi telah mengklafikasikan jenis-jenis kata yang boleh menggantikan tempat pelaku. Didapati jenis-jenis kata tersebut adalah sama dengan jenis-jenis kata yang sering menjadi pelaku. Kategori katanya adalah seperti di bawah ;

3.3.1 Kata Nama Tulen (اسْمُ صَرِيفٍ)

Dimaksudkan dengan kata nama tulen ialah sesuatu kata nama yang yang jelas terpapar pada ayat¹ seperti contoh ; فِلَ الْكَافِرُونَ (*Orang-orang kafir telah dibunuh*).

Perkataan الْكَافِرُونَ adalah kata nama dari jenis tulen.

3.3.2 Kata Ganti Nama (الضَّمِيرُ)

Kata ganti nama di dalam bahasa Arab adalah sama dengan bahasa-bahasa lain yang dapat dipecahkan kepada tiga kategori iaitu kata ganti nama pertama² (ضَمِيرُ الْمُخَلَّمُ),

kedua³ (ضَمِيرُ الْعَالَبِ) dan ketiga⁴ (ضَمِيرُ الْمُخَاطَبِ). Secara umumnya, semua

jenis kategori ini boleh dijadikan pelaku ganti dalam keadaan pasif.

¹ Muhammad al-Tunijiy dan Rajiy al-'Asmar (1993), *Al-Mu'jam al-Mufassal fi 'Ulum al-Lughat*, j.1, c.1, Beirut : Dâr al-Kutub al-'Ilmiyyat , h.49

² Iaitu أَنَا dan أَنْتَ

³ Iaitu أَنَا , أَنْتَ , أَنْتُ , أَنْتَ

⁴ Iaitu هُمْ , هُنْ , هِيْ , هُوْ

Jadual 3.6 : Contoh Penggunaan Pelaku Ganti Dari Kata Ganti Nama.

Kata Ganti Nama		
Pertama	Kedua	Ketiga
أَنْكُرْتُ <i>(Aku telah dimuliakan)</i>	أَنْكُرْتَ <i>(Engkau telah dimuliakan)</i>	أَنْكُرْمُ <i>(Dia telah dimuliakan)</i>
Penjelasan: -Konsonan tā' pada KKKL pasif di atas adalah kata ganti nama pertama yang membawa maksud "aku", berada di tempat nominatif selaku pelaku ganti.	Penjelasan: -Konsonan tā' pada KKKL pasif di atas adalah kata ganti nama kedua yang membawa maksud "engkau", berada di tempat nominatif selaku pelaku ganti.	Penjelasan: -Tersembunyi pada KKKL pasif di atas kata ganti nama ketiga dengan andaian هُوَ (dia).

Dari aspek lain, kata ganti nama ini juga boleh dipecahkan kepada dua bahagian iaitu :

A - Kata Ganti Nama Bersambung (الضمير المتصل)

Kata ganti nama ini tidak dapat berdiri ada dirinya sendiri, malah ia terpaksa bersandaran pada akhir perkataan lain. Oleh yang dimikian, ia tidak boleh dimulai pada permulaan perkataan dan juga ditegah berada selepas perkataan لا kecuali

pada situasi terdesak yang berlaku pada struktur bait syair yang dikenali sebagai **الضرورة الشعرية** (*keperluan puisi*).¹ Sebagai contoh kata seorang penyair² :

وَمَا عَلِيْتَا إِذَا مَا كُنْتِ جَارِتَـا إِلَّا يُخَاهِرُكَا إِلَّا كَـ دِيَارُ

Terjemahan : *Tiadalah kamu apabila berada di sisi kami **melainkan kami menyediakan tempat tinggal**.*

¹ Muṣṭafa al-Ghalāyinīy (1987), *Jami' al-Durūs al-'Arabiyyat* , j.1, c.11, Beirut :Maktabat al-'Aṣriyyat , h.115

² Ibid, h.116

Terdapat sembilan patah kata ganti nama bersambung seperti yang terdapat pada jadual di bawah :

Jadual 3.7 : Kata Ganti Nama Bersambung.

Konsonan	Contoh Kata Yang Didampingi	Terjemahan
الـأـتـاء	فَعَلْتُ	Aku telah melakukan
ـلـا	فَعَلـنـا	Kami telah melakukan
ـالـوـاـوـ	يَفْعـلـونـ	Mereka sedang / akan melakukan (bagi maskulin).
ـالـأـلـفـ	يَفـعـلـانـ	Mereka berdua sedang / akan melakukan (bagi maskulin)
ـالـتـوـنـ	تَفـعـلـنـيـ	Mereka sedang / akan melakukan (bagi feminin)
ـالـكـافـ	وَالـلـهـكـ	Ayah engkau.
ـالـيـاءـ	وَالـدـيـ	Ayah saya.
ـهـاءـ	وَالـدـهـ	Ayahnya (bagi maskulin)
ـهـاـ	وَالـلـهـهـاـ	Ayahnya (bagi feminin)

Daripada sembilah patah kata ganti nama tersebut, hanya empat patah sahaja kata ganti nama boleh menjadi pelaku ganti pada situasi pasif iaitu ;

Jadual 3.8 : Kata Ganti Nama Bersambung Pada Situasi Pasif.

Konsonan	Contoh Kata Yang Didampingi	Terjemahan
ـالـأـلـفـ	يُظـلـمـانـ	Mereka berdua sedang / akan dizalimi.
ـالـوـاـوـ	يُظـلـمـونـ	Mereka sedang / akan dizalimi (bagi maskulin).
ـالـتـوـنـ	ظـلـمـنـ	Mereka telah dizalimi. (bagi feminin)
ـالـأـتـاءـ	ظـلـمـتـ	Aku telah dizalimi.

B - Kata Ganti Nama Bersendirian (الضمير المُنْفَعِلُ)

Kata ganti jenis ini boleh berada secara bersendirian serta berasingan dengan kata lain. Oleh yang demikian, ia boleh berada di permulaan sesuatu kata dan juga tidak ditegah penggunaannya selepas kata لا¹. Kata ganti nama ini ialah mempunyai sebanyak 24 patah kata dan dapat dipecahkan kepada dua bahagian iaitu bersifat nominatif dan bersifat akusatif².

Hanya kata ganti nama bercerai yang bersifat nominatif sahaja dapat menjadi pelaku ganti pada situasi pasif. Ia mempunyai sebanyak 12 pata iaitu ;

هن هم ، هي هي ، هو هو ، أنت أنت ، أنتم أنتم ، أنت أنت ، نحن نحن ، أنا انا.

Di antara contoh penggunaannya pada pelaku ganti ialah ;

a- ما يُكْرِمُ إِلَّا هُنَّ

Terjemahan : *Tidaklah dimuliakan kecuali kami.*

b- وَلَمْ يُقْتَلُ مَا عَدَا هُنَّ

Terjemahan : *Tidak dibunuh melainkan mereka.*

3.3.3 *Masdar Mua'wwal* (المُصْدَرُ الْمُؤْوَلُ)

Terbentuknya *masdar mua'wwal* adalah hasil cantuman di antara huruf *masdar* (أن) dengan kata kerja kala kini. Ia menunjukkan makna sesuatu tanpa melibatkan unsur masa sepetimana yang terkandung di dalam sesuatu kata kerja³. Ia juga

¹ Muṣṭafa al-Ghalāyinī (1987), *op.cit*, j.1, h.119

² Iaitu sebanyak 12 pata kata : أناك، أناكم، أناكم، أناك، أناك، أناك، أناهم، أناهم، أناها، أناها، أناه، أناه

³ Muḥammad al-Tunijiy dan Rajiy al-'Asmar (1993), *op.cit*, h.584.

dikenali sebagai *mashdar masbtik* (المُصَدْرُ المُسْبِطُ), *mashdar muqaddar* (المُصَدْرُ الْمُقَدَّرُ)

dan *mashdar murisabik* (المُصَدْرُ الْمُرِسَابِكُ), seperti contohnya :

يُنْجِبُ أَنْ تَعْتَهِدَ -

Terjemahan : *Usahamu dikagumi.*

Struktur ayat di atas boleh dihipotesiskan dengan : (يُنْجِبُ اجْتِهَادَكُ) *Usaha engkau dikagumi*).

3.3.4 Kata Nama *Mawṣūl* (الاسمُ الْمُوصَلُ)

Kata Nama *Mawṣūl* ialah kata nama khas yang memerlukan keterangan selepasnya¹. Ia memerlukan kepada *silat mawṣūl* (pelengkap *mawṣūl*) yang mengandungi kata ganti nama yang dapat merujuk kepada kata nama *mawṣūl* itu sendiri². *Silat mawṣūl* ini pada lazimnya terdiri daripada potongan ayat atau klausa (شَيْءَ الْجُمْلَةِ) .

Di antara kata nama *mawṣūl* ialah ;

i- الَّذِينَ membawa makna “yang” bagi kegunaan genus maskulin.

ii- الَّذِي membawa makna “yang” bagi kegunaan genus feminin.

Contoh penggunaannya pada pasif ;

a- يُلْقِنُ الَّذِينَ كَفَرُوا-

Terjemahan : *Dilaknat orang-orang yang kufur.*

¹ Glosari Bahasa Dan Kesusastraan Arab (2000), c.2, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, h.26.

² Azizah Fawwāl Bābati (1992), *op.cit*, h.140.

بَارَكَ اللَّهُ الَّذِي يَعْصَدُقُونَ بِأَمْوَالِهِنَّ فِي سَيِّلِ اللَّهِ

Terjemahan : *Diberkati mereka yang bersedekah hartanya pada jalan Allah.*

3.3.5 Kata Nama Tunjuk (اسْمُ الْإِشَارَةِ)

Iaitu suatu kata nama yang digunakan untuk menunjukkan sesuatu yang dinyatakan¹. Ia boleh diklasifikasikan kepada tiga bahagian berdasarkan angka bilang sesuatu yang diajukan iaitu ;

a. Tunggal (المُفْرَدُ) , ia merangkumi ;

i. هَذَا bermakna ini bagi kegunaan genus lelaki.

ii. هَذِهِ bermakna ini bagi kegunaan genus perempuan.

iii. ذَلِكَ bermakna itu bagi kegunaan genus lelaki.

iv. تَلْكَ bermakna itu bagi kegunaan genus perempuan.

b. Duaan (الْمُشَكِّ) , ia merangkumi ;

i. هَذَانِ bermakna “ini” (berduaan) bagi kegunaan genus maskulin.

ii. هَذَيَانِ bermakna “ini” (berduaan) bagi kegunaan genus feminin.

iii. ذَانِكَ bermakna “itu” (berduaan) bagi kegunaan genus maskulin.

iv. تَلْكَيَانِ bermakna “itu” (berduaan) bagi kegunaan genus feminin.

¹ Azizah Fawwäl Bäbati (1992) op.cit , h.99

c. Ramai dan banyak (الجُمُع) merangkumi ;

i. هُؤُلَاء bermakna “mereka ini”.

ii. أُولَئِكَ bermakna “mereka itu”.

Antara contoh pelaku ganti dari kumpulan kata ini ialah ;

a- يُعَادُ هَذَا لِحَامِلِهِ

Terjemahan : *Dikembalikan ini bagi pembawaannya.*

b- كُسْرَتْ هَذِهِ الْمِرْأَةُ

Terjemahan : *Cermin ini telah dipecahkan.*

3.4 Unsur-unsur Pelaku Ganti.

Setelah pelaku dimansuhkan dari susunan struktur ayat, tempatnya perlu digantikan dengan sesuatu kata yang boleh mengambil alih tempat tersebut dan menuruti ciri-cirinya. Para ilmuan nahu bersepakat mengklifikasikan unsur-unsur yang boleh menggantikan tempat tersebut yang mana pada asalnya ia merupakan salah satu dari unsur-unsur berikut ;

3.4.1 Objek (المُفْعُول)

Objek ialah suatu kata nama yang menunjukkan berlaku ke atasnya sesuatu tindakan yang dilakukan oleh pembuat¹. Ia termasuk salah satu daripada golongan kata akusatif.

¹ Muṣṭafa al-Ghalāyainiy (1987), *Jami‘ al-Duriṣ al-‘Arabiyyat* , j.3, c.11, Beirut : Maktabat al-‘Aṣriyyat , h.5

Para ilmuan nahu bersepakat membenarkan unsur objek menggantikan tempat pelaku setelah ia dimansuhkan dari struktur ayat. Malah sesetengah ulama menganggapnya sebagai pilihan utama yang harus menjadi pelaku ganti. Ini jelas kelihatan dengan tercetusnya penggunaan istilah ; “Objek yang tidak dinamakan siapa yang telah melakukannya” (المَفْوَلُ الَّذِي لَمْ يُسَمَّ مَنْ فَعَلَ يَه) oleh sesetengah ahli bahasa terdahulu. Istilah ini telah mengfokuskan ke arah objek yang dianggap sebagai unsur utama untuk dijadikan pelaku ganti. Secara tidak langsung mereka mengabaikan unsur-unsur lain yang seolah-olahnya tidak boleh dijadikan pelaku ganti.

Di antara contoh objek dijadikan pelaku ganti ialah ;

Firman Allah S.W.T¹ :

فَإِنْ كَذَبُوكَ فَقَدْ كَذَبَ رُسُلٌ مِّنْ قَبْلِكَ جَاءُوا بِأَنْبَيَاتٍ وَالْهُرُبِ وَالْكِتَابِ الْمُبِينِ

Terjemahan : Oleh itu, jika mereka mendustakan kamu (wahai ! Muhammad, maka janganlah engkau berduka-cita), kerana sesungguhnya **rasul-rasul** yang terdahulu daripadamu telah didustakan juga, mereka telah membawa keterangan-keterangan (mu'jizat) yang nyata dan kitab-kitab (nasihat pengajaran) serta kitab (syariat) yang terang jelas.

Perkataan (**رسُلٌ**) pada ayat di atas adalah nominatif. Ini kerana ia telah diambil menjadi pelaku ganti bagi menggantikan tempat asal pelakunya (**الكافرون**) (orang-orang kafir) setelah dimansuhkan dari struktur ayat.

¹ Surah Al Imrān, ayat 184.

Terdapat perbezaan pendapat di antara dua aliran nahu Basrah dan Kufah berhubung dengan unsur pelaku ganti dari objek sekiranya pada waktu yang sama terhimpun unsur-unsur lain seperti kata dasar, adverba dan kata genetif. Kedua-dua aliran ini cuba mengemukakan hujah-hujah yang konkret bagi mempertahankan pandangan masing-masing,

Ahli-ahli ilmuhan nahu aliran Basrah kecuali al-Akhfash berpendapat bahawa unsur objek hendaklah diutamakan untuk diangkat menjadi pelaku ganti. Adalah tidak wajar pada pandangan mereka mendahului unsur lain sekiranya pada masa yang sama terdapatnya objek. Seandainya perkara sebegini terjadi, ia dianggap menyalahi kaedah¹ (حَادُّ). Oleh sebab itu, objek wajid dimominatikan kerana menggantikan

tempat pelaku yang telah dimansuhkan. Sebagai contoh ;

ضَرَبَ زَيْدٌ ضَرْبًا شَدِيدًا يَوْمَ الْجُمُعَةِ أَمَامَ الْأَمِيرِ فِي دَارِهِ -

Terjemahan : *Zaid kena pukul dengan pukulan yang kuat pada hari Jumaat di hadapan raja di dalam istananya.*

Perkataan زَيْدٌ hendaklah dimominatikan kerana telah diambil menjadi pelaku ganti, walaupun pada waktu yang sama terdapatnya *masdar* (ضَرْبًا شَدِيدًا), adverba (Kata keterangan untuk masa : يَوْمَ الْجُمُعَةِ) dan kata penerangan bagi tempat : أَمَامَ (الْأَمِيرِ) dan kata genetif (فِي دَارِهِ).

¹ Abd Aziz Muhammad Fâkir (1995) *Taudîh al-Nawâb Sharh Ibn 'Aqîl*, j.2, c.1, Kaherah : Cetakan Universiti al-Azhar , h.197

Manakala ahli ilmuan aliran Kufah pula berpendapat bahawa unsur-unsur lain juga boleh menjadi pelaku ganti dengan cara pendepanan (تَقْدِيمٌ) atau pengakhiran¹

(تَأْخِيرٍ). Oleh yang demikian, struktur ayat tersebut boleh tersusun seperti berikut ;

i- ضُرِبَ زَيْدًا ضُرُبٌ شَدِيدٌ يَوْمَ الْجُمُعَةِ أَمَامَ الْأَمِيرِ فِي دَارِهِ

Terjemahan : *Zaid telah kena pukul dengan satu pukulan yang kuat pada hari Jumaat di hadapan raja di dalam istananya.*

ii- ضُرِبَ ضُرُبٌ شَدِيدٌ زَيْدًا يَوْمَ الْجُمُعَةِ أَمَامَ الْأَمِيرِ فِي دَارِهِ

Terjemahan : *Satu pukulan yang kuat telah terkena Zaid pada hari Jumaat di hadapan raja di dalam istananya.*

iii- ضُرِبَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ زَيْدًا ضُرُبٌ شَدِيدٌ أَمَامَ الْأَمِيرِ فِي دَارِهِ

Terjemahan : *Pada hari Jumaat, Zaid telah kena pukul dengan pukulan yang kuat di hadapan raja di dalam istananya.*

iv- ضُرِبَ أَمَامَ الْأَمِيرِ زَيْدًا ضُرُبٌ شَدِيدٌ يَوْمَ الْجُمُعَةِ فِي دَارِهِ

Terjemahan : *Di hadapan raja Zaid kena pukul dengan pukulan yang kuat di dalam istananya pada hari Jumaat.*

Pandangan mereka diperkuuhkan dengan mendatangkan nas-nas dari al-Quran, di antaranya ialah ;

i- Firman Allah S.W.T² :

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ الْقُرْآنُ جُمِلَةً وَاحِدَةً

Terjemahan : *Dan orang-orang kafir berkata : "Mengapa tidak diturunkan al-Quran itu kepada Muhammad semuanya sekali dengan sekaligus?"*

¹Muhammad Maḥyū al-Dīn 'Abd al-Ḥamīd (1995) *Sharḥ Ibn Aqājī*, j.1, c. 1, Beirut : al-Maktab al-'Aṣriyyat, h.462

²Surah al-Furqān, ayat 32.

Perkataan **القرآن** telah didahului dengan kata genetif **عليه**. Namun begitu, perkataan **القرآن** tetap dimominatiskan sebagai pelaku ganti.

ii- Firman Allah S.W.T¹ :

قُلْ لِلَّذِينَ آمَنُوا يَغْفِرُوا لِلَّذِينَ لَا يَرْجِعُونَ أَيَامَ اللَّهِ لِيَجْزِي فَوْمًا بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

Terjemahan : Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang yang beriman : “Hendaklah mereka memaafkan (kejadian dan gangguan) orang-orang yang tidak menaruh ingatan kepada hari-hari (pembalasan yang telah ditentukan) Allah ; (disuruh melakukan demikian) kerana akan diberi balasan kepada satu-satu puak yang patut dengan apa yang mereka telah lakukan.

Abu Ja’afar² membaca kata kerja **يَجْزِي**³ yang bersandaran padanya huruf genetif (huruf Lam) dalam keadaan ia berpola pasif⁴. Perkataan **فَوْمًا** diakusatifkan kerana dianggap sebagai objeknya, manakala pelaku gantinya pula ialah **بِمَا كَانُوا**.

Al-Akhfash berpendapat bahawa unsur-unsur lain juga boleh menjadi pelaku ganti sekiranya unsur-unsur tersebut mendahului objek⁵. Sebagai contoh :

- **صُرِبَ في الدَّارِ زَيْدًا** atau **صُرِبَ في الدَّارِ** زَيْدًا

Terjemahan : **Zaid** telah kena pukul di dalam rumah.

¹ Surah al-Jashiyat , ayat 14.

² Nama penuhnya Abū Ja’afar Yazid bin al-Qa’qā’. Wafat pada tahun Hijrah 130.

³ Bacaan yang masyur ialah **يَجْزِي**.

⁴ Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān bin Abū Bakar al-Sayūṭī (1998), (e.d) Ahmad Shams al-Dīn, **Ham’ al-Hawāni’ Fi Sharḥ Jam’ al-Jawāni’**, j.3 ,c.1, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah , h.521

⁵ Muḥammad Maḥy al-Dīn ‘Abd al-Ḥamid (1995), op.cit, h.463

Didapati pada ayat di atas, kata genetif (في الدار) telah mendahului objek (زيد).

Oleh itu, pada pendapat al-Akhfas perkataan زيدٌ في الدار boleh dinominatifkan sekira ia dijadikan pelaku ganti. Ia juga boleh diakusatifkan (زيداً) dengan mengekalkannya sebagai objek manakala kata genetif tersebut berada di tempat nominatif sebagai pelaku ganti.

Sekiranya objek mendahului unsur-unsur lain, wajib objek tersebut menggantikan tempat pelaku yang telah dimansuhkan dan ia tidak boleh ditukar ganti dengan unsur yang lain. Sebagai contoh ;

- ضرب زيد في الدار

Terjemahan : *Zaid telah dipukul di dalam rumah.*

Perkataan زيدٌ hendaklah dimominatifkan sebagai pelaku ganti. Pada asalnya ia adalah objek dan juga telah mendahului unsur-unsur lain. Adalah salah sekiranya ia dikenakan dalam keadaan akusatif sebagai objek, manakala unsur lain pula menjadi pelaku ganti sebagaimana seperti susunan ayat di bawah ;

- ضرب زيداً في الدار

3.4.1.1 Transitif Dua Objek

Sesetengah kata kerja transitif memerlukan kepada dua objek atau lebih. Apabila kata kerja ini dipasifkan, hanya salah satu daripada objeknya akan diambil untuk menggantikan tempat pelaku. Ini bermakna satu daripadanya akan dimominatifkan sebagai pelaku ganti dan bakinya yang lain kekal dalam keadaan asalnya akusatif¹.

¹ Abd Aziz Muhammad Fakhruddin (1995), *op.cit*, h.201

Permasalahan untuk menentukan objek yang harus diambil untuk menggantikan tempat pelaku mendapat perhatian ahli ilmuan nahu di semua lapisan. Hasilnya, tercetus pelbagai pandangan yang kadang-kalanya bercanggahan di antara satu sama lain.

Secara umumnya, perbincangan pemilihan pelaku ganti dari kata kerja transitif dua objek boleh dipecahkan kepada tiga cabang utama iaitu ;

- i. Kata Kerja Seumpama أَعْطَى (*memberi*).

Dimaksudkan dengan kata kerja seumpama أَعْطَى ialah kata kerja transitif dua objek yang asalnya bukan daripada subjek (المُبَدِّأ) dan predikat (الخَبَرُ) seperti kata kerja أَعْطَى (*memberi*), كَسَّا (*memakai*) dan سَأَلَ (*meminta*)¹.

Sebagai contoh ;

a- أَعْطَيْتُ مُحَمَّداً كِتَاباً

Terjemahan : *Saya telah memberi Muhammad sebuah buku.*

b- كَسَوْتُ الْفَقِيرَ ثَوْبَاً

Terjemahan : *Saya memakaikan orang miskin sehelai baju.*

Kebanyakan ahli ilmuan nahu berpendapat boleh jadikan pelaku ganti dari mana-mana objek tersebut apabila kata kerjanya dipasifkan. Seandainya objek pertama dipilih sebagai pelaku ganti, ia hendaklah dimominatifikkan dan mengekalkan akusatif pada objek kedua, seperti contohnya ;

- أَعْطَيْتُ مُحَمَّداً كِتَاباً

Terjemahan : *Telah diberi Muhammad sebuah buku.*

¹ Muhammad Maḥy al-Dīn ‘Abd al-Ḥamīd (1995), *op.cit. h.465*

Objek kedua juga boleh menjadi pelaku ganti seandainya ia bebas dari kekeliruan yang menyebabkan kesilapan faham. Sebagai contohnya ;

أَعْطِيْ مُحَمَّداً كِتَابَ -

Seandainya terdapat kekeliruan, wajib diambil objek pertama sebagai pelaku ganti. Ini kerana untuk membezakan di antara keduanya dan menghindarkan kesilapan faham. Sebagai contoh ;

أَعْطِيْ زَيْدَ عُمَراً -

Terjemahan : *Zaid diberikan kepada Umar.*

Pada situasi sebegini, pelaku gantinya hanya boleh pada objek pertama sahaja. Ini kerana untuk membezakan di antara orang yang mengambil dan orang yang diambil. Sekiranya objek kedua dijadikan pelaku ganti, sudah pasti berlaku kesilapan makna yang hendak disampaikan. Dalam konteks ini, gantian pelaku menjadi orang yang mengambil sementara objek kedua menjadi barang yang diambil.

Ahli ilmuan aliran Kufah berpendapat pelaku ganti dari objek kedua itu hendaklah dari kata nama yang *ma'rifat*¹. Seandainya objek tersebut dari kata nama *nakirat*², wajib menyatakan objek pertamanya sebagai pelaku ganti. Sebagai contoh ;

أَعْطِيْ زَيْدَ دِرْهَمًا -

Terjemahan : *Zaid telah diberi dirham.*

¹ Iaitu kata nama yang khusus seperti nama orang, binatang, negara , bersandaran dengan *jī* dan sebagainya.

² Iaitu kata nama umum.

Oleh kerana objek keduanya (ذرْهُم) *nakirat*, wajib objek pertamanya (زَيْدٌ) (زَيْدٌ) menjadi pelaku ganti dan dimominatifkan.

- ii. Kata Kerja Seumpama ظُنْ (*Menyangka*).

Dimaksudkan dengan kata kerja seumpama ظُنْ ialah kata kerja transitif yang mempunyai dua objek pada asalnya subjek dan predikat¹ seperti ;

- ظَنَتْ مُحَمَّداً مُسَافِرًا

Terjemahan : *Saya menyangka Muhammad seorang musafir.*

Ungkapan عَمَدَا مُسَافِرًا adalah objek pertama dan kedua yang pada asalnya subjek dan predikat (عَمَدَا مُسَافِرًا) (*Muhammad seorang musafir*).

Tidak berlaku pertikaian di kalangan para ilmuan nahu Arab sekiranya objek pertama menggantikan tempat pelaku. Akan tetapi, untuk menjadikan objek kedua sebagai pelaku ganti mendapat pelbagai pandangan yang boleh dipecahkan kepada berikut ;

Golongan pertama berpendapat bahawa objek pertama adalah yang terbaik untuk dijadikan pelaku ganti. Namun begitu, mereka juga mengharuskan objek kedua menjadi pelaku ganti dengan bersyarat². Di antara mereka yang mendukungi pendapat ini ialah Ṭalḥah, Ibn ‘Uṣfir dan Ibn Malik. Sebagai contohnya ;

¹ Muhammad Mahy al-Din ‘Abd al-Hamid , *op.cit*, h.465.

² Al-Sayutiyy (1998), *op. cit*, h.519.

ظُنْتِ طَالِعَةً الشَّمْسَ

Terjemahan : *Disangkakan matahari terbit.*

Di antara syarat yang membolehkan objek kedua dijadikan pelaku ganti ialah :

- a) Bebas dari kekeliruan. Sekiranya berlaku perkara sebaliknya, tidak dibenarkan objek kedua menjadi pelaku ganti, seperti contoh :

ظُنْ صَدِيقُكَ زِيدًا -

Terjemahan : *Disangkakan kawan kamu bernama Zaid.*

Situasi ayat di atas mewajib objek pertamanya menjadi pelaku ganti bagi menghindarkan berlakunya kekeliruan dan kesalahan makna yang hendak disampaikan. Oleh sebab, itu susunan yang betul bagi ayat di atas ialah ;

ظُنْ زَيْدٌ صَدِيقُكَ

Terjemahan : *Disangkakan Zaid adalah kawan kamu.*

- b) Bukananya daripada potongan ayat atau kata genetif, seperti contoh :

a- ظُنْ زِيدًا أَبُوَةً نَائِمٍ

Terjemahan : *Disangkakan ayah Zaid sedang tidur.*

b- ظُنْ فِي الدَّارِ زِيدًا

Terjemahan : *Disangkakan Zaid ada di dalam rumah.*

Sebetulnya perkataan زيد hendaklah dimominatifkan selaku pelaku ganti.

Ini kerana objek keduanya terdiri daripada potongan ayat : ظن زيد أباه نانما

atau kata genetif : ظن زيد في الدار

Abu Ḥayyān menambah syarat tersebut dengan mengatakan bahawa objek kedua itu hendaklah bukan dari kumpulan kata *nakirat*¹.

Sementara satu golongan lain pula menegah secara mutlak objek kedua dijadikan pelaku ganti. Mereka mewajib pelaku gantinya hanya boleh dilakukan pada objek pertamanya². Ini kerana objek pertamanya adalah subjek yang merupakan sifat pelaku. Oleh itu pada pendapat mereka, adalah tidak wajar menggantikan tempat pelaku tersebut kecuali objek pertamanya sahaja. Pandangan ini dimanopoli oleh al-Jazūliy dan al-Khadrāwyi.

iii. Kata Kerja Seumpama احتجاز (Memilih).

Dimaksudkan dengan kata kerja seumpama احتجاز ialah mana-mana kata kerja transitif dua objek yang mana objek pertama adalah dengan zatnya sendiri manakala objek keduanya adalah daripada huruf genetif sama ada secara nyata atau perlu dibuat hipotesis³.

¹ Al-Sayūtiy (1998), *op. cit*, h.519

² *Ibid.*

³ *Ibid*, h.520

Terdapat dua pendapat yang saling bercanggahan di antara satu sama lain untuk menentukan adakah wajar objek kedua kata kerja transitif pasif tersebut menjadi pelaku ganti. Mereka ialah ;

- a) Al-Farrā' dan Ibn Malik berpendapat objek keduanya boleh menggantikan tempat pelaku yang telah dimansuhkan¹. Contohnya ;

اخْتِيَرَ الرَّجُلُ زَيْدًا -

Terjemahan : *Dipilih dari kalangan orang lelaki Zaid.*

- b) Kebanyakan para ilmuan nahu Arab dan di antaranya ialah Abū Ḥayyān menegah objek keduanya menggantikan tempat pelaku. Ini kerana ia memerlukan hipotesis kehadiran huruf genetif. Oleh sebab itu, wajib objek pertama dinyatakan sebagai pelaku ganti². Contoh yang diutarakan ialah ;

اخْتِيَرَ زَيْدَ الرَّجُلَ -

Terjemahan : *Dipilih Zaid dari golongan orang lelaki.*

Objek keduanya perlu dibuat hipotesis dengan kehadiran partikel من yang membawa maksud “dari”.


3.4.1.2 Transitif Tiga Objek

Sesetengah kata kerja transitif mempunyai tiga objek. Di antara kata kerja seumpama itu ialah kata kerja أَعْلَمْ (*mengetahui*) dan أَرَى (*melihat*), seperti contoh :

¹ Al-Sayūṣīy (1998), *op. cit*, h.520

² *Ibid.*

Rajah 3.1 : Contoh Kata Kerja Transitif Tiga Objek



Para ilmuan nahu Arab kebanyakannya berpendapat wajib objek pertamanya menggantikan tempat pelaku apabila kata kerjanya itu berbentuk pasif¹. Ini kerana objek pertama merupakan objek yang sebenar, manakala objek kedua dan ketiga merupakan subjek dan predikat pada asalnya. Oleh itu, mereka menegah pelaku ganti selain daripada objek pertamanya. Sebagai contohnya ;

أَعْلَمُ زَيْدًا عَنْكَ سَمِّيَّا -

Terjemahan : *Diberitakan Zaid bahawa kambing kamu gemuk.*

Segelintir daripada mereka membolehkan objek kedua atau ketiga menggantikan tempat pelaku dan menjadi pelaku ganti dengan syarat ia mesti bebas dari kekeliruan². Oleh sebab itu, ayat tersebut boleh susunan seperti struktur berikut ;

a- **أَعْلَمُ زَيْدًا عَنْكَ سَمِّيَّا**

b- **أَعْلَمُ زَيْدًا سَمِّيَّا عَنْكَ**

¹ Ibid , h.520

² Abd Aziz Muhammed Fâkhir (1995), *op.cit*, h.201.

3.4.2 *Masdari* (Kata Nama Dasar)

Masdari boleh didefinisikan sebagai suatu lafaz yang menunjukkan sesuatu peristiwa tanpa melibatkan unsur masa. Ia juga mengandungi huruf-huruf kata kerjanya¹.

Sebagai contoh perkataan علماً (*pengetahuan*) merupakan *masdar* kepada kata

kerjanya علم (*tahu*).

Masdari atau kata namanya² juga boleh mengantikan tempat pelaku apabila ia menepati syarat-syaratnya. Penggunaannya jelas kelihatan sebagaimana yang terdapat di dalam al-Quran.

Firman Allah s.w.t³ :

فَإِذَا نُفِخَ فِي الصُّورِ نَفَخَةً وَاحِدَةً

Terjemahan : Apabila ditiup sangkakala dengan sekali tiup.

Syarat-syarat yang membolehkan *masdar* menjadi pelaku ganti ialah ;

i. *Bertasrif* (التصریف).

Dimaksudkan dengan *bertasrif* ialah ia tidak tetap dalam satu keadaan sahaja, bahkan ia bebas menerima keadaan nominatif, akusatif dan genetif berdasarkan kepada situasinya. Sebagai contohnya, perkataan هم boleh berubah-ubah barisnya

berdasarkan kepada tempatnya pada struktur ayat seperti ;

¹ Muṣṭafa al-Ghalāyiniyy (1987), *op.cit*, h. 160.

² Kata nama *masdar* menyerupai *masdar* dari aspek menunjukkan peristiwa dan kesan tindakannya. Akan tetapi ia tidak mengandungi semua huruf kata kerjanya sepetimana *masdar*.

³ Surah al-Hāqqat , ayat 13.

a- Dimominatifkan kerana menjadi subjek, contohnya :

- الفَهْمُ ضَرُورِيٌّ لِلْطَّالِبِ

Terjemahan : *Kefahaman* penting bagi seorang pelajar.

b- Diakusatifkan kerana menjadi subjek إِنْ, contohnya :

- إِنَّ الْفَهْمَ ضَرُورِيٌّ

Terjemahan : Sesungguhnya *kefahaman* itu penting.

c- Digenetifkan dengan partikel *jarr* (عَلَيْ).

- اعْتَمَدَ الطَّالِبُ عَلَى الْفَهْمِ

Terjemahan : Seorang pelajar bergantung kepada *kefahaman*.

Sekiranya *maṣdar* itu tidak bertasrif¹, ia ditegah menggantikan tempat pelaku seperti perkataan ;

a- مَعَاذَ اللَّهُ (*Memohon perlindungan Allah s.w.t*).

Perkataan مَعَاذ adalah *maṣdar mīmīy*² yang merupakan devirasi kata kerjanya أَعُوذُ yang membawa maksud aku memohon perlindungan. Orang Arab tidak menggunakan perkataan ini secara bersendirian, bahkan ia sering disandarkan kepada nama tuhan Allah SWT. Ungkapan asalnya ialah ; أَعُوذُ بِاللَّهِ مَعَاذًا.

¹ Bilangannya hanya sedikit, di antaranya ialah : حَذَارِيْك ، ذَرَائِك ، حَلَائِك ، سَهَنِيْك ، كَيْك

² Iaitu salah satu bentuk *maṣdar* yang dimulai dengan huruf *mīm* (م) pada permulaan perkataannya.

b- سُبْحَانَ اللَّهِ (*Maha suci Allah s.w.t*).

Perkataan سُبْحَانَ adalah kata nama *māṣdar* yang membawa maksud **الْسُّبْحَانُ** daripada kata kerjanya سُبَّحَ. Ia juga sering kali disandarkan dengan dengan nama Allah s.w.t.

ii. Khusus (**الْمُخْصُّ**).

Dimaksudkan dengan khusus ialah dapat difahami dengan baik berdasarkan kepada pertambahan maksud yang dibawanya¹ melalui aspek-aspek berikut ;

a) Menyatakan sifatnya seperti ;

- عِلْمٌ عَلَمٌ نَافِعٌ

Terjemahan : *Diketahui ilmu amat berfaedah.*

b) Bersandaran dengan sesuatu yang lain seperti ;

- فَهِمُ فَهِمُ الْعَبَاقةَ

Terjemahan : *Difahami dengan kefahaman orang-orang cerdik (mantap).*

c) Menunjukkan angka bilangan seperti ;

- ضُرُبٌ ضُرُبٌانٌ

Terjemahan : *Kena pukul dengan dua pukulan.*

¹Muhammad bin Ahmad bin 'Abd al-Bariy al-'Ahdal (1990), *al-Kawākib al-Duriyyat*, j.1, c.1, Beirut :Dár al-Kutub al-'Ilmiyyat (1990), h. 174

Oleh itu, adalah tidak lengkap sekiranya *masdar* yang dinyatakan itu semata-mata adalah bermatlamatkan memperkuatkan kata (تَكْيِنْ). Ini kerana ia tidak membawa pertambahan makna yang boleh memperlengkap struktur ayat serta dapat difahami, seperti contoh ;

صُرُبَ ضَرْبٌ -

Terjemahan : *Kena pukul pukulan.*

Dalam konteks ayat di atas, kehadiran *masdarnya* tidak membawa pertambahan makna yang boleh difahami. Sebetulnya ia hendaklah dikhususkan sama ada dengan cara seperti yang dinyatakan di atas seperti ;

- a- menyatakan bilangannya seperti ; صُرُبَ ضَرْبٌ (*satu pukulan*)
- b- bersandaran dengan sesuatu yang lain seperti ; صُرُبَ الضَّرْبُ الْفُلَانِيِّ ; (*pukulan seseorang*).

3.4.3 Adverba (Kata Keterangan)

Adverba ialah satu kata nama bersandaran yang perlu dibuat hipotesis في bagi menyatakan masa atau tempat berlakunya sesuatu perbuatan¹. Sekiranya ia tidak memerlukan kepada hipotesis, ia akan menjadi kata nama biasa yang berfungsi menurut agennya. Sebagai contoh ;

- لَا تُضْعِنْ أَيَامَ شَابَكَ -

Terjemahan : *Jangan kamu sia-siakan hari muda kamu.*

¹ Muṣṭafa al-Ghalāyiniy (1987), *op.cit*, j.2, h.48

Dalam konteks ayat di atas, perkataan **أَيَّامٍ** tidak menjadi adverba bahkan ia merupakan kata nama biasa yang berfungsi menurut agennya pada struktur ayat. Ia diakusatifkan karana menjadi objek.

Adverba boleh dipecahkan kepada dua bahagian iaitu ;

- i. **Zarf al-Zamān** iaitu satu kata penerangan yang menunjukkan tempoh masa berlakunya sesuatu peristiwa¹. Di antaranya ialah ;

دِقْيَةٌ، سَاعَةٌ، يَوْمٌ، لَيْلَةٌ، أَسْبُوعٌ ; **عَامٌ شَهْرٌ، سَنَةٌ**.

- **سَافَرْتُ لَيْلَةً**

Terjemahan : *Saya telah bermusafir pada waktu malam.*

- ii. **Zarf al-Makān** iaitu satu kata penerangan yang menunjukkan tempat berlakunya sesuatu peristiwa². Di antaranya ialah ;
- وَرَاءَ، فَوقَ، تَحْتَ، أَفَامُ،
- dan antara contoh penggunaannya pada ayat pasif ialah ;

- **جَلَسَ زَيْدٌ تَحْتَ الشَّجَرَةِ**

Terjemahan : *Zaid telah duduk di bawah pokok.*

Adverba boleh digunakan untuk menggantikan tempat pelaku sekiranya ia berfaedah melengkapkan struktur ayat bagi difahami. Oleh itu, ia akan terhasil sekiranya syarat-syaratnya dipenuhi melalui salah satu cara berikut ;

¹ Muṣṭafa al-Ghalāyiniy (1987), *op.cit*, j.2, h.48.

² Ibid

i. **Bertasrif¹**

Dikehendaki dengan bertasrif ialah ia tidak beku pada satu keadaan sebagai *zarf* semata-mata. Bahkan ia boleh berubah-ubah tanda kebahasaanya menjadi nominatif, akusatif dan genetif mengikut tempatnya pada struktur ayat². Sebagai contoh ;

a- صِيَامُ رَمَضَانَ

Terjemahan : *Dipuasa bulan Ramadhan.*

b- جُلُسَ تَحْتَ الشَّجَرَةِ

Terjemahan : *Diduduki bawah pokok.*

ii. **Khusus.**

Dimaksudkan dengan khusus ialah ia mendatangkan makna baru yang dapat menghilangkan keraguan pada struktur ayat. Pengkhususan ini boleh terjadi melalui salah satu cara iaitu³ ;

a) Bersandaran pada sesuatu yang lain seperti ;

أذنٌ وَقْتُ الصَّلَاةِ -

Terjemahan : *Diazan pada waktu sembahyang.*

b) Menyatakan sesuatu sifat seperti ;

سَيِّرْ يَوْمَ حَمِيلٍ -

Terjemahan : *Berjalan pada hari yang baik.*

¹ Terkeluar daripada *bertasrif* ialah *Masdar Tak Bertasrif* iaitu ia tetap pada satu keadaan akusatif sahaja.

Di antaranya ialah ; عَنْدَ, مَعَ, [إِذَا]

² Abbas Hasan (1973), *op.cit* , h. 115

³ Ibid h.116

c) Menjadi kata nama Khusus (اسْمُ الْمَغْرِفَةِ) seperti ;

- يَحْبُّ الْيَوْمَ لَا يَهُ مُعْتَدِلٌ .

Terjemahan : *Hari ini disukai kerana cuacanya sederhana.*

3.4.4 Kata Nama Genetif.

Kebanyakan ahli ilmuwan nahu bersepakat mengharuskan kata nama genetif (kata sendi) menggantikan tempat pelaku dengan bersyarat. Lafaznya tetap dalam keadaan genetif disebabkan kehadiran partikel *jarr*, tetapi tempatnya pada struktur ayat adalah bersifat nominatif sebagai gantian pelaku¹. Sebagai contoh ;

- فِرْ بِزَيْدٍ .

Terjemahan : *Berjalan dengan Zaid.*

Kata nama Zaid digenetifkan dengan huruf *bā'* (الْبَاءُ) dan pada masa yang sama ia berada di tempat kata nama nominatif sebagai pelaku ganti.

Terdapat dua syarat yang perlu dipenuhi bagi memastikan ia berfaedah melengkapkan struktur ayat serta dapat difahami dengan baik iaitu ;

i. Partikel *Jarr Bertaṣrif*.

Dikehendaki dengan prektikel *jarr bertaṣrif* ialah huruf-huruf yang tidak kekal kegunaannya untuk sesuatu jenis kata atau keadaan tertentu sahaja². Di antara huruf-hurufnya ialah . اللام من ، الى ، عن ، على ، في ، الباء ؛ dan . Ini bermakna,

terkeluar daripada prektikel *jarr bertaṣrif* ialah ;

¹ ^ Abbas Hasan (1973), *op.cit*, h. 117

² *Ibid*, h. 118.

a- : مُذْ ، مُنْدُ ، حَتَّى : kerana penggunaanya khusus untuk kata nama nyata (الإِسْمُ الظَّاهِرُ).

b- : رُبْ : kerana penggunaannya untuk kata *nakirat*.

c- : حَرْفُ الْقَسْمِ : merupakan prektikel sumpah (الباء ، الفاء ، الواو) yang digunakan khas ketika bersumpah.

d- : حَرْفُ الْإِسْنَانِ : merupakan prektikel pengkecualian (خلا ، عدا ، حشا) yang berfungsi untuk pengkecualian sesuatu.

ii. Kata Nama Genetif Khusus.

Kata nama yang digenetifkan hendaklah berfaedah membawa makna tambahan serta dapat menyempurnakan maksud yang hendak disampaikan. Ia akan terhasil melalui salah satu cara berikut¹ ;

a) Menyatakan sesuatu sifat seperti ;

- أَخْدَدَ مِنْ حَقْلٍ نَاضِجٍ

Terjemahan : *Diambil dari taman yang masak.*

b) Bersandaran dengan yang kata lain seperti ;

- قُطْعَةً فِي طَرِيقِ الْمَاءِ

Terjemahan : *Terpotong pada saluran air.*

c) Kata Nama Khusus.

- نِيمَ فِي الدَّارِ

Terjemahan : *Tertidur di dalam rumah ini.*

¹ Abbas Hasan (1973), op.cit, h. 119

3.4.5 Ungkapan Percakapan.

Para ilmuan nahu berselisih pendapat berhubung masalah pelaku ganti yang kekadangnya terdiri daripada potongan ayat. Di dalam menangani permasalahan ini, terdapat golongan yang pro dan kontra. Perbincangan mereka nampak lebih serius apabila memperkatakan firman Allah¹ s.w.t :

وَإِذَا قُبِلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ قَاتِلُوا إِلَمَا كُنْ مُصْلِحُونَ -

Terjemahan : *Dan apabila dikatakan kepada mereka : "Janganlah kamu membuat kerosakan di muka bumi", mereka menjawab : "Sesungguhnya kami orang-orang yang hanya membuat kebaikan."*

Kata kerja قبل (*dikatakan*) adalah berbentuk pasif. Oleh sebab itu, mereka mencari-cari

dimanakah terletaknya pelaku ganti yang harus menggantikan tempat pelaku yang telah dimansuhkan. Segelintir daripada mereka berpendapat bahawa gantian pelakunya ialah ayat larangan² yang terdapat selepasnya iaitu ; لا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ (*Janganlah kamu melakukan kebinasaan di atas muka bumi.*)

Manakala satu golongan lain menegah potongan ayat dijadikan pelaku ganti. Mereka menyatakan pelaku ganti bagi kata kerja pasif قبل terpaksa dibuat andaian kata ganti هو yang memperjelaskan hendak disampaikan. Oleh itu, boleh diandaikan bahawa maksud yang ingin dinyatakan itu ialah ;

¹ Surah al-Baqarah, ayat 11.

² Bahjat 'Abd al-Wahid Shālih (1993), *al-'Irāb al-Mufaṣṣal li kitāb Allah al-Murattal*, j.1, c.1, Ammān : Dār al-Fikr, h.19.

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ قَوْلٌ شَدِيدٌ

Terjemahan : *Dan apabila dikatakan kepada mereka satu kata yang tegas.*

Pada pandangan mereka kehadiran ayat larangan itu (لا تُنْسِلُوا فِي الْأَرْضِ) ; itu hanya sebagai penjelasan dan penerangan yang tidak di *râbkan*.¹

Pandangan yang mendapat sokongan ramai menyatakan bahawa boleh dijadikan ayat sebagai pelaku ganti sekiranya ia terdiri daripada dialog (حَلَةُ مُحْكَمَةٍ) yang biasanya terletak selepas kata kerja pasif قِيلَ.²

Penulis merasakan pendapat yang menyatakan bahawa boleh dijadikan ayat sebagai pelaku ganti sekiranya ia terdiri daripada dialog (حَلَةُ مُحْكَمَةٍ) adalah relevan. Keadaan ini

lebih senang kepada pendengar untuk menentukan pelaku gantinya. Ini kerana mereka tidak memerlukan kepada andaian kehadiran pelaku ganti yang terdiri daripada *damîr ghaib*. Malah ia dapat dilihat dengan jelas terpapar pada struktur ayat dialog tersebut.

¹ لا محل لها من الإعراب iaitu

² Muhammad Rađiy al-Din bin al-Hasan al-Iṣṭirābādiy (1998), *Sharḥ Kāfiyat Ibn Ḥājīb*, j.1, c.1, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyat , h. 190

3.5 RUMUSAN

Telah diperbahaskan secara panjang lebar di dalam bab satu dan dua tentang teori-teori penggunaan ragam pasif yang merangkumi bentuk kata kerja pasif serta kata nama yang seumpamanya dan perihal pelaku ganti. Kedua-dua elekmnen ini perlu difahami dengan sebaiknya bagi menjayakan proses penyelidikan penggunaan ragam pasif yang terdapat di dalam bahasa Arab.

Berdasarkan kepada teori-teori yang telah dikemukakan, satu analisis penggunaan ragam pasif di dalam surah Al ‘Imrān akan diperoses. Teknik pemerosesan data dan hasil dapatannya akan dibentangkan di dalam bab seterusnya.